

TRANSFORMASI PERTUBUHAN HARAKAH ISLAMIAH (HIKMAH) DALAM PERKEMBANGAN MASYARAKAT ISLAM DI SARAWAK

THE TRANSFORMATION OF THE HARAKAH ISLAMIAH ORGANIZATION (HIKMAH) IN THE DEVELOPMENT OF THE ISLAMIC COMMUNITY IN SARAWAK

Nur Fathina Aula Wailie¹
Ermy Azziaty Rozali²
Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari^{3*}

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: P153590@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ermy@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: mozaha@ukm.edu.my)

*Corresponding author: mozaha@ukm.edu.my

Article history

Received date : 4-3-2026
Revised date : 5-3-2026
Accepted date : 1-4-2026
Published date : 8-4-2026

To cite this document:

Wailie, N. F. A., Rozali, E. A., & Abul Hassan Ashari, M. Z. (2026). Transformasi Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) dalam perkembangan masyarakat Islam di Sarawak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 638 – 655.

Abstrak: *Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang ditubuhkan untuk menyebarkan kegiatan dakwah di seluruh negeri Sarawak. Namun, sejak penubuhannya, Pertubuhan HIKMAH telah melalui pelbagai fasa yang signifikan dalam mendepani cabaran multi-etnik dan pluraliti agama di Sarawak. Kajian membincangkan transformasi Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) dalam perkembangan masyarakat Islam di Sarawak. Objektif utama kajian ini adalah mengenalpasti bentuk transformasi yang dilakukan oleh Pertubuhan HIKMAH sepanjang penubuhan seiring dengan peredaran zaman serta menilai keberkesananannya terhadap perkembangan umat Islam di sarawak. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur yang melibatkan ahli jawatankuasa Pertubuhan HIKMAH, ibu bapa, peserta program, alumni dan guru-guru di institusi Pertubuhan HIKMAH. Data yang diperolehi dianalisis secara tematik dengan bantuan perisian ATLAS.ti. Hasil kajian mendapati terdapat transformasi yang jelas telah dilakukan oleh Pertubuhan HIKMAH semenjak penjenamaan semula daripada Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) pada tahun 1993. Perkembangan ini melibatkan pemantapan struktur organisasi, program dakwah, kebajikan sehingga penubuhan institusi pendidikan Islam HIKMAH sendiri. Hal ini membuktikan HIKMAH berperanan besar dalam memperkasakan umat Islam di Sarawak. Justeru, penambahbaikan dari sudut infrastruktur, pengukuhan tenaga pengajar dan jaringan komuniti perlu diberikan penekanan untuk memastikan kesan sosial dan keilmuan berterusan dalam perkembangan masyarakat Islam di Sarawak.*

Kata Kunci: *Pertubuhan HIKMAH; Tranformasi; Perkembangan; Masyarakat; Islam di Sarawak; Dakwah*

Abstract: *The Harakah Islamiah Organization (HIKMAH) is a non-governmental organization established to spread dakwah activities throughout the state of Sarawak. However, since its establishment, the HIKMAH Organization has gone through various significant phases in facing the challenges of multi-ethnicity and religious plurality in Sarawak. A study of the transformation of the Harakah Islamiah Organization (HIKMAH) in the development of the Muslim community in Sarawak. The main objective of this study is to identify the form of transformation carried out by the HIKMAH Organization throughout its establishment in line with the passage of time and to evaluate its effectiveness in the development of Muslims in Sarawak. This qualitative study uses a semi-structured interviews method involving members of the HIKMAH Organization committee, parents, program participants, alumni and teachers at the HIKMAH Organization institutions. The data obtained was analyzed thematically with the help of ATLAS.ti software. The results of the study found that there has been a clear transformation carried out by the HIKMAH Organization since its rebranding from the Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) in 1993. This development involves strengthening the organizational structure, dakwah programs, welfare and the establishment of the HIKMAH Islamic educational institution itself. This proves that HIKMAH plays a major role in empowering Muslims in Sarawak. Therefore, improvements in terms of infrastructure, strengthening teaching staff and community networks to ensure continuous social and scientific impact in the development of the Muslim community in Sarawak must be emphasized.*

Keywords: *HIKMAH Organization; Transformation; Development; Society; Islam in Sarawak; Da'wah*

Pengenalan

Islam di Sarawak berkembang dalam konteks masyarakat yang sangat majmuk dan majoriti penduduknya adalah Kristian. Walaupun begitu, Sarawak mempunyai komposisi agama yang sangat seimbang yang meletakkan agama Islam sebagai agama minoriti besar dan Kristian yang juga sangat dominan diikuti dengan agama lain (Shukri & Masri, 2024). Dari sudut sejarah, Islam mula memasuki Sarawak sekitar abad ke-15 melalui perdagangan Nusantara dan hubungan dengan Melaka, Sumatera dan pedagang Arab, dibantu pengislaman raja dan pengaruh kesultanan Brunei (Yusuf & Bujang, 2024; Kadir et al., 2023). Namun, tekanan kolonial dan kristianisasi sejak era Brooke mewujudkan kesedaran masyarakat untuk mempertahankan institusi Islam di Sarawak contohnya penubuhan Majlis Islam Sarawak (MIS) pada tahun 1955 untuk mengukuhkan pentadbiran Islam (Kadir et al., 2023).

Bertitik tolak juga kepada keadaan semasa ketika itu, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dakwah dan pendidikan Islam turut ditubuhkan sebagai usaha untuk membangunkan masyarakat Islam, antaranya Pertubuhan Harakah Islamiah atau dikenali sebagai HIKMAH. HIKMAH sudah tidak asing lagi di Malaysia terutama di negeri Sarawak disebabkan peranan dan kegiatan pertubuhan ini dalam aspek dakwah telah bermula semenjak dekad 60-an dan dikenali sebagai Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) ketika era berkenaan. Pertubuhan ini membantu untuk menyebarkan syiar Islam secara menyeluruh di negeri tersebut (Basir et al., 2024).

Walaupun begitu, berhadapan dengan arus globalisasi dan rumitnya masyarakat kontemporari, HIKMAH telah melaksanakan pelbagai perubahan strategik untuk memastikan syiar Islam tetap disebarkan. Transformasi ini melibatkan aspek pengurusan, sasaran dakwah, pendekatan dakwah, kebajikan dan pendidikan Islam di Sarawak.

Sorotan Literatur

Terdapat dua tinjauan literatur yang diperoleh daripada kajian ini. Pertama, sejarah perkembangan HIKMAH. Kedua, peranan HIKMAH di Sarawak.

Sejarah Perkembangan HIKMAH

HIKMAH ditubuhkan secara rasmi pada 18 September 1993 di Petrajaya, Kuching dan merupakan kesinambungan daripada perjuangan BINA, sebuah pertubuhan Islam bukan kerajaan yang aktif dalam dakwah Islamiah di Sarawak (Mutalib, 2017). Pada mulanya penubuhan BINA ini telah diasaskan oleh Abdul Rahman Ya'kub pada tahun 1969. Pertubuhan ini ditubuhkan adalah untuk membawa mesej dakwah kepada masyarakat Islam dan kepada golongan bukan Muslim pada ketika mana umat Islam berada dalam kelalaian kerana alpa dengan gejala budaya liar yang dibawa oleh penjajah ketika itu (Sebli, 2015).

Selain itu, Mustapha (2018) telah membincangkan bagaimana kesinambungan kepada teretusnya nama HIKMAH yang pada awalnya diberi nama BINA. Beliau menyatakan bahawa salah satu sebab penukaran nama BINA kepada Harakah Islamiah (HIKMAH) selain daripada kerana dianggap sebagai organisasi politik adalah untuk memastikan dakwah BINA berkembang dengan arus pembangunan global yang pesat. Pada peringkat awal penubuhan BINA ini aktif di bahagian Kuching. Kemudian BINA telah dikembangkan di setiap daerah Sarawak dan Semenanjung Malaysia sehingga memiliki 30 cawangan termasuklah di Semenanjung. Antara cawangan tersebut adalah di Kuching, Cawangan Simanggang (Sri Aman), Cawangan Kelaka, Cawangan Sibul, Cawangan Miri, Cawangan Simunjan, Cawangan Sarikei, Cawangan Lawas, Cawangan Limbang, Cawangan Bintangor, Cawangan Bintulu, Cawangan Lundu, Mukah, Maktab Perguruan Rejang dan BINA cawangan Wilayah Persekutuan iaitu di Universiti Malaya sahaja.

Tambahan pula, sekitar tahun 60-an dikatakan bahawa terdapat segelintir pelajar sekolah menengah di Sarawak yang berani mempersoalkan tentang kewujudan Allah dan mempertikaikan fungsi agama Islam dalam kehidupan. Mereka berpendapat bahawa Islam adalah agama yang kolot dan lapuk. Perkara ini berlaku akibat pengaruh Barat yang menguasai pemikiran pelajar-pelajar di sekolah pada masa itu yang sedang menuntut di sekolah-sekolah mubaligh Kristian. Disebabkan itu, Persatuan Kebajikan Islam (PKIS) telah menganjurkan satu kongres yang dinamakan sebagai Kongres Islam Malaysia Timur pada 3-5 Mei 1968. Kongres ini diadakan adalah bagi menumpukan para ulama dan pemikir di negeri Sabah dan Sarawak bagi mengatasi dan memastikan masa hadapan orang-orang Islam terjamin di kedua-dua buah negeri berkenaan. Antara resolusi daripada kongres tersebut ialah gesaan dalam mewujudkan sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang dinamakan Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA). Namun kemudian, nama BINA ditukar menjadi HIKMAH singkatan kepada Harakah Islamiah. Pertubuhan ini merupakan satu medium baharu atau lanjutan daripada BINA bagi meneruskan aktiviti dakwah Islam di bumi kenyalang ini (PERKIM, t.th).

Bukan itu sahaja, penubuhan BINA direalisasikan oleh ketua menteri Sarawak (1970-1981) iaitu Abdul Rahman Ya'kub. Beliau merupakan tokoh yang telah berusaha membawa pembangunan insan kepada penduduk Sarawak terutamanya dalam kalangan umat Islam yang

mula terpengaruh dengan doktrin barat. Penubuhan ini juga bertujuan mengembalikan umat Islam pada landasan yang benar kerana pengaruh barat seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, budaya pesta pora, minum arak dan berpakaian mendedahkan aurat sudah menjadi budaya masyarakat. Gejala ini telah dibawa oleh penjajah sehingga berjaya menapak dalam kalangan anak muda Islam. Budaya ini semakin tersebar sehingga sukar untuk membezakan anak muda Islam dengan bukan Islam. Tujuan penubuhan organisasi ini adalah untuk membawa perubahan yang drastik, komprehensif dan meluas terhadap umat Islam. Pelaksanaan dakwah secara berorganisasi ini berpeluang memberikan impak yang jauh lebih besar daripada pelaksanaan secara individu (Helmi, 1991).

Oleh sebab itu, penubuhan BINA pada waktu itu sangat bertepatan dengan masalah yang dialami. Kewibawaan tokoh ini telah membuka mata umat Islam daripada lamunan mereka yang asyik dengan keseronokan budaya barat. Tokoh ini telah menyedarkan mereka untuk bangkit memartabatkan agama Islam di negeri Sarawak. Setelah itu, BINA mula menunjukkan pengaruhnya di tengah masyarakat Islam dengan turut membawa mesej dakwah kepada golongan bukan Islam. Pelbagai program dijalankan secara aktif di Sarawak kepada semua lapisan masyarakat (Utusan Sarawak, 2024).

Dalam pada itu, BINA-HIKMAH di bawah pimpinan Datuk Abdul Rahman Ya'kub pada tahun didaftarkan iaitu tahun 1969 telah mendirikan cawangan di lima bahagian dalam masa setahun. Pertubuhan ini turut mempunyai kumpulan muzik, pancaragam, baju seragam, kumpulan nasyid, pasukan silat, mencipta lagu sendiri, berdakwah ke pedalaman dan terkenal di peringkat antarabangsa. Pertukaran nama BINA kepada Harakah Islamiah (HIKMAH) dikatakan berlaku selepas krisis politik yang melanda di Sarawak (Sanifa, 2019).

Pada awal penubuhan BINA, ia telah mendapat sokongan daripada sebuah pertubuhan Islam dunia iaitu Rabitah al-'Alam al-Islami. Pertubuhan ini berpusat di Mekah yang digerakkan oleh Kerajaan Arab Saudi. Inilah salah satu kerjasama BINA dengan pertubuhan Islam luar negara. Tambahan pula, beberapa negara Islam juga memberikan bantuan untuk memperkasakan BINA. Antara negara yang terlibat ialah Arab Saudi, Libya, Kuwait, Qatar dan Oman. Ini bertepatan dengan matlamat penubuhan BINA yang bukan semata-mata soal keagamaan dan dakwah tetapi mencakup skop yang meluas (Utusan Sarawak, 2024).

HIKMAH yang menjadi kesinambungan kepada perjuangan BINA ini mula dikenali masyarakat Islam bukan sahaja di Sarawak malah di seluruh dunia. Aktiviti dakwah HIKMAH adalah menfokuskan dakwah kepada masyarakat saudara kita di pedalaman Sarawak. Visi mereka adalah sebagai sebuah gerakan dakwah yang unggul dan syumul manakala misi mereka pula adalah memperkasa Program Dakwah untuk melahirkan insan kamil, memastikan sumber dan dana ditadbir urus dengan cekap dan berkesan dan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan. Dalam pada itu, objektif penubuhan Pertubuhan HIKMAH ini adalah bagi memperkasakan tahap profesionalisme perkhidmatan dakwah Islamiah di Sarawak, memperkemaskan bimbingan ke arah kefahaman dakwah Islamiah di Sarawak, memperkemaskan bimbingan ke arah kefahaman sebenar mengenai Islam sebagai "al-Din" kepada masyarakat Islam dan bukan Islam (HIKMAH Sarawak, 2026).

Dalam pada itu, keahlian dalam HIKMAH terbuka kepada umat Islam yang berumur tidak kurang daripada 13 tahun. Setiap permohonan untuk menjadi ahli hendaklah disokong oleh seorang ahli dan dihantar kepada Setiausaha Cawangan di tempat pemohon. Setelah itu dipertimbangkan oleh setiausaha cawangan sekurang-kurangnya tiga bulan dari tarikh terima

permohonan. Terdapat bayaran masuk dan yuran dikenakan bagi menjadi ahli Pertubuhan HIKMAH. Ahli biasa yang berumur 18 tahun ke bawah boleh masuk dengan percuma dan perlu membayar yuran tahunan sebanyak RM5.00 sahaja. Manakalah bagi ahli biasa yang berumur 18 tahun dan ke atas, turan masuk yang dikenakan ialah RM10.00, yuran tahunan sebanyak RM10.00 dan yuran keahlian seumur hidup sebanyak RM500.00. Yuran tahunan hendaklah dibayar tidak lewat dari bulan Mac pada tahun berkenaan kepada Bendahari Cawangan (HIKMAH Sarawak, 2026).

Peranan Pertubuhan HIKMAH di Sarawak

Tujuan pertubuhan ini ditubuhkan adalah untuk menyebarkan dan menggalakkan amalan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Selain itu, menjalankan kegiatan dakwah terutamanya di kawasan pedalaman dan perkampungan saudara kita. HIKMAH juga ditubuhkan untuk menyemai persefahaman dan rasa hormat menghormati sesama manusia. Pertubuhan ini juga memberikan bantuan kepada sesiapa atau mana-mana institusi yang memerlukan. HIKMAH turut menjalinkan kerjasama dengan mana-mana pertubuhan dan badan Islam dalam perkara-perkara yang berhubung dengan kemajuan Islam. Bukan itu sahaja, HIKMAH turut menggalakkan penyertaan ahli-ahli di dalam pelbagai kegiatan ekonomi untuk meningkatkan taraf hidup masing-masing dan menggalakkan ahli-ahli memberikan sumbangan kewangan bulanan secara tetap atau berkala bagi memajukan tujuan pertubuhan (HIKMAH Sarawak, 2026).

HIKMAH menjalankan aktiviti dakwah yang memfokuskan kepada masyarakat iaitu muallaf di pedalaman Sarawak, termasuklah program pendidikan, ceramah dan diskusi. HIKMAH juga merupakan wadah bagi mengumpulkan lebih ramai sukarelawan yang terdiri daripada pelbagai kaum untuk sama-sama berbakti dalam HIKMAH untuk memperjuangkan Islam (Razali, 2018). Golongan muallaf di Sarawak digelar sebagai saudara kita untuk menggambarkan kedekatan mereka dengan orang Islam yang lain. Golongan muallaf yang mempunyai latar belakang yang berbeza dan berhadapan dengan pelbagai cabaran memerlukan pendekatan yang berbeza dalam proses bimbingan, pendidikan, kebajikan dan sokongan daripada pihak berkuasa. Pelbagai pihak termasuklah HIKMAH dan NGO lain seperti Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA dan Persatuan Dayak Muslim Kebangsaan (PDMK) sentiasa memberikan sokongan termasuk sokongan sosial yang diperlukan oleh saudara kita di Sarawak. HIKMAH turut berperanan dalam memberikan sokongan sosial kepada saudara kita. Dengan adanya sokongan ini dapat memastikan golongan saudara kita sentiasa dibantu dan diberi sokongan sampingan (Basir et al., 2025).

HIKMAH memfokuskan kepada aktiviti khidmat sosial dan kebajikan dengan memberikan bantuan kewangan, menyalurkan zakat dan sedekah kepada golongan yang layak. Mereka juga mengadakan program-program seperti program pemerksaan muallaf kawasan pedalaman, sambutan Maulidur Rasul dan projek pembinaan masjid dan surau di kawasan terpencil. HIKMAH berpusat di Sarawak dengan berfokuskan kepada komuniti tempatan khususnya masyarakat di kawasan pedalaman. HIKMAH memberi tumpuan kepada pembangunan masyarakat Islam, terutama pedalaman dan kampung-kampung terpencil di Sarawak yang kurang mendapat akses pendidikan agama dan infrastruktur yang lain. Aktiviti mereka juga diperluas ke kawasan luar bandar yang lain di Malaysia yang memerlukan perhatian khusus dalam pendidikan agama dan bantuan kebajikan (HIKMAH Sarawak, 2026).

Menurut Buku Cenderahati 50 Tahun BINA-HIKMAH 1969-2019, terdapat senarai modul-program yang telah diatur oleh jawatankuasa Dakwah BINA-HIKMAH iaitu al Fadil Ustaz

Haji Idris Ahmad termasuklah program dakwah muallaf yang dijalankan mengikut zon (cawangan), induk dan pedalaman di Sarawak. Antara program yang dijalankan ialah Ziarah *Du'afah*, Jejak Dakwah, Program Ramah Tamah Aidilfitri dan Klinik Bergerak untuk muallaf di pedalaman. Selain itu, terdapat juga program-program berteraskan pendidikan seperti Kelas Mengaji Iqra' dan al-Quran, Program Smart Solat dan Bicara dan Seminar Hikmah. Sumbangan BINA-HIKMAH memberikan penekanan terhadap program-program pendidikan, kebajikan dan kemasyarakatan. Oleh kerana itu, empat penubuhan pusat latihan yang telah diwujudkan berjaya diinstitusikan secara formal bagi menyalurkan pendidikan iaitu Dar al-Rahmah, Institut Dakwah BINA-HIKMAH, Pusat Latihan Dakwah HIKMAH dan Tadika HIKMAH (Basir et al., 2024).

Dalam pada itu, terdapat sebuah kelab yang berada di bawah naungan HIKMAH yang menjadi satu tempat buat para remaja dan belia berkumpul dan membentuk diri agar menjadi khalifah Allah yang lebih baik dalam masa yang sama menyeru orang lain untuk sama-sama melakukan amal kebajikan. Kelab ini dinamakan sebagai Kelab Ramaja Hikmah. Objektif kelab ini adalah untuk menggunakan tenaga remaja untuk mencapai wawasan dan melaksanakan strategi HIKMAH serta membangun potensi dan kepimpinan remaja yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan ummah. Kelab ini terdapat di seluruh cawangan yang berada di Sarawak termasuklah cawangan Miri (HIKMAH Sarawak, 2026)

Tambahan pula, menurut Sebli (2015) dalam temu bual di Ibu Pejabat HIKMAH Kuching pada tahun 2018, beliau menyatakan bahawa HIKMAH juga telah menubuhkan sebuah Pusat Latihan Dakwah untuk memberikan pendedahan pendidikan Islam serta melatih para tenaga pengajar dalam menyebarkan dakwah khususnya di kawasan pedalaman. Dalam erti kata lain untuk melahirkan para dai'e yang boleh mengajarkan agama Islam kepada masyarakat. Dalam penyelidikan ini juga telah dinyatakan bahawa pada tahun 2003 pihak HIKMAH mula menghentikan pengambilan pelajar oleh kerana para tenaga pengajar mereka dihantar ke tempat pedalaman seperti Limbang, Bintulu, Mukah, Sibul, Kapit, Sarikei, Betong, Sri Aman, Samarahan, Kuching termasuklah Miri (Mustapha, 2018).

Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Data turut dikumpul melalui analisis kandungan bahan rujukan iaitu sumber primer seperti buku tahunan, brosur HIKMAH dan hasil temu bual separa berstruktur. Temu bual separa berstruktur dijalankan menggunakan kaedah persampelan bertujuan kepada beberapa orang yang terdiri daripada ahli jawatankuasa HIKMAH, ibu-bapa, alumni, peserta dan guru Tadika dan Sekolah Rendah Tahfiz HIKMAH. Kaedah persampelan bertujuan mengikut kriteria yang bersesuaian dengan keperluan kajian dan telah ditetapkan oleh pengkaji. Analisis data dilakukan menerusi rakaman suara yang dilakukan semasa temu bual kemudian dianalisis menggunakan perisian aplikasi Atlas.ti mengikut tema yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian (Rosman & Rasit, 2020). Perisian Atlas.ti ini digunakan untuk mengukuhkan aspek penjelasan mendalam dalam kajian dan aspek kesahan serta kebolehan dengan menunjukkan dapatan secara sistematik dengan sumber yang berautoriti secara langsung (Yusof & Romli, 2019).


Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan HIKMAH terus berkembang maju sejak awal penubuhannya sehingga kini. Terdapat perubahan yang ketara terutama dari sudut struktur organisasi, program-program baharu, institusi baharu yang dibangunkan oleh HIKMAH sendiri dan respon daripada masyarakat. Kebanyakan responden yang ditemu bual memberikan respon yang

positif. Melalui hasil temu bual, tidak dapat dinafikan bahawa HIKMAH telah berjaya menerapkan ajaran agama Islam di seluruh Sarawak dan mampu menjadikan Pertubuhan ini sebagai badan bukan kerajaan dakwah yang unggul di negeri Sarawak. Hal ini kerana, Pertubuhan HIKMAH mampu melahirkan modal insan yang beramal dengan ilmu agama Islam serta pendakwah daripada Pertubuhan HIKMAH sendiri.

Perkembangan HIKMAH dalam Memperkasa Dakwah Islam di Sarawak

Rajah di bawah menunjukkan struktur organisasi terkini HIKMAH yang telah disusun dengan lebih terancang. Carta organisasi ini berperanan menjelaskan struktur, tugas dan saluran kuasa dalam gerakan dakwah agar lebih sistematik dan ditadbir urus dengan baik. Ini turut membantu penyelarasan serta pelaksanaan program bergerak dengan lebih teratur.



Rajah 1: Carta Organisasi Pertubuhan HIKMAH

Sumber: Rosli (2025)

Cawangan HIKMAH di Sarawak adalah sebanyak 12 cawangan. Antaranya, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibul, Mukah, Kapit, Bintulu, Miri, Limbang, Lawas, dan ibu pejabat HIKMAH pula terletak di Kuching. Terdapat juga pejabat HIKMAH yang terletak di Wilayah Persekutuan (HIKMAH Sarawak, 2026). Penubuhan BINA dan penjenamaan semula dengan nama HIKMAH berjaya menjadi penggerak utama bagi usaha dakwah kepada golongan remaja, wanita dan mualaf di Sarawak melalui gabungan pendekatan menerusi program yang berbentuk umum, pendidikan dan kemasyarakatan (Basir et al., 2024). Menurut Responden 1, selaku pegawai Dakwah di Pertubuhan HIKMAH:

“...dan kinek tok zaman HIKMAH masih juak menarik saudara kita yang ada tinggal di rumah panjang. Kadang-kadang orang madah rumah panjang tok ada satu pintu orang Islam maka tugas HIKMAH nya carik, ambik maklumat, pergi ziarah, tengok keadaannya, apa yang perlu dibantu dan pada bulan Ramadhan, safari

Ramadhan biasanya HIKMAH akan berusaha membantu menyalurkan bantuan kepada golongan-golongan seperti ya...” (Sebli, 2025).

Menerusi transkrip di atas, Pertubuhan HIKMAH sehingga kini masih giat melakukan kerja-kerja dakwah seperti ziarah Ramadhan dengan menghantar bantuan kepada golongan mualaf di pedalaman. Pada awalnya, HIKMAH menjalankan aktiviti dakwah yang memfokuskan kepada masyarakat iaitu mualaf di pedalaman Sarawak, termasuklah program pendidikan, ceramah dan diskusi. HIKMAH juga merupakan wadah bagi mengumpulkan lebih ramai sukarelawan yang terdiri daripada pelbagai kaum untuk sama-sama berbakti dalam HIKMAH untuk memperjuangkan Islam (Razali, A., 2018). Golongan mualaf di Sarawak digelar sebagai saudara kita untuk menggambarkan kedekatan mereka dengan orang Islam yang lain. Golongan mualaf yang mempunyai latar belakang yang berbeza dan berhadapan dengan pelbagai cabaran memerlukan pendekatan yang berbeza dalam proses bimbingan, pendidikan, kebajikan dan sokongan daripada pihak berkuasa. Pelbagai pihak seperti HIKMAH dan NGO lain sentiasa memberikan sokongan termasuk sokongan sosial yang diperlukan oleh saudara kita di Sarawak. HIKMAH turut berperanan dalam memberikan sokongan sosial kepada saudara kita. Dengan adanya sokongan ini dapat memastikan golongan saudara kita sentiasa dibantu dan diberi sokongan sampingan (Basir et al., 2025). Perkongsian oleh Responden 2 sewaktu temu bual;

“Kamek orang selalu polah program pergi ke tempat mualaf aa kadang-kadang ngantar bantuan juak ngan daknya. Mun ada, meraikan daknya bila aa lepas hari raya, aaa sampe daknya yang call mintak polah ramah-tamah di tempat daknya” (Malik, 2025).

Menurut RP2 selaku ahli jawatankuasa Wanita HIKMAH yang biasa memberikan bantuan di pedalaman Sarawak, beliau menyatakan pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh Pertubuhan HIKMAH untuk memastikan saudara kita di pedalaman tidak merasa terpinggir. Pihak HIKMAH akan mengunjungi tempat mereka untuk memberikan bantuan dan meraikan sambutan hari raya bersama mereka.

“Ya tadik jejak dakwah orang padah sinun ada orang Islam kita pergi ngabas. Ziarah dakwah nila nya dah ada kita ziarahnya..kita bawak AJK. AJK cawangan-cawangan. Embak barang makan sedikit dan seumpamanya... Lepasya kita ada program Majlis Ta’lim wanita tok nya ada program nya empun. Fardhu Ain, lebih banyak mengaji camyalah. Kemudian kita da program kelas bimbingan..imam dan muadzin. Kita train sidak pedalaman nun jadi imam, bilal...” (Sebli, 2025).

Menerusi perkongsian RP1 dalam temu bual yang dijalankan, Pertubuhan HIKMAH turut menjalankan program jejak dakwah di kawasan pedalaman yang bertujuan untuk menziarahi saudara kita. Mereka turut membawa bantuan seperti makanan dan keperluan untuk mereka. Dalam masa yang sama, mereka turut memberikan bimbingan agama secara berterusan kepada golongan saudara kita. Ini bertujuan untuk memastikan mereka mengamalkan Islam dalam kehidupan seharian mereka. Dalam masa yang sama untuk mengelakkan mereka berasa terpinggir. Antara bimbingan yang diberikan adalah seperti Fardhu Ain, kelas bimbingan imam muda dan muadzin dan pengurusan jenazah.

Seterusnya, HIKMAH mengembangkan peranan mereka dengan menjalankan aktiviti khidmat sosial dan kebajikan dengan memberikan bantuan kewangan, menyalurkan zakat dan sedekah kepada golongan yang layak. Mereka juga mengadakan program-program seperti program

pemeriksaan mualaf kawasan pedalaman, sambutan Maulidur Rasul dan projek pembinaan masjid dan surau di kawasan terpencil. HIKMAH berpusat di Sarawak dengan berfokuskan kepada komuniti tempatan khususnya masyarakat di kawasan pedalaman. HIKMAH memberi tumpuan kepada pembangunan masyarakat Islam, terutama pedalaman dan kampung-kampung terpencil di Sarawak yang kurang mendapat akses pendidikan agama dan infrastruktur yang lain. Aktiviti mereka juga diperluas ke kawasan luar bandar yang lain di Malaysia yang memerlukan perhatian khusus dalam pendidikan agama dan bantuan kebajikan (HIKMAH Sarawak, 2026).

Kerjasama antara Badan Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Jaringan Antarabangsa

HIKMAH menjadi sebuah NGO yang menggerakkan usaha dakwah, khususnya di luar bandar dan dalam kalangan saudara kita. Oleh itu, HIKMAH bekerjasama dengan Urusetia Saudara Kita (USK) di bawah Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) untuk menyelaras program bimbingan maulad di semua bahagian di Sarawak Ini termasuklah kelas Fardhu Ain, bimbingan al-quran dan aktiviti kemasyarakatan (Basir et al., 2024). Selain itu, HIKMAH turut menjalani program praktikal dakwah lapangan bersama USK, JAIS, JAKIM, Hidayah Centre dan NGO lain (Abdullah et al., 2022)

HIKMAH juga telah bekerjasama dengan YADIM Sarawak untuk menyalurkan sumbangan di bawah Bakul Ramadhan HIKMAH yang merupakan kesinambungan Program Safari Ramadhan HIKMAH Sarawak. Sumbangan diagihkan kepada seramai 110 golongan asnaf di sekitar Bintulu. Kemudian HIKMAH turut memberikan sumbangan Program Safari Ramadhan HIKMAH yang diadakan di Masjid Al Muttaqin Kampung Sungai Plan. Sumbangan ini pula telah diagihkan kepada 60 orang asnaf yang disampaikan oleh yang dipertua HIKMAH Toh Pun Hayati Ahmat. Mereka turut mengadakan majlis berbuka puasa bersama, solat berjemaah maghrib, Isyak dan seterusnya sembahyang tarawih bersama penerima asnaf dan penduduk di sekitar kawasan tersebut (UKAS Sarawak, 2024).

Sebelum penjenamaan semula, BINA mempunyai hubungan baik dengan negara-negara timur tengah seperti Arab Saudi, Libya, Qatar dan beberapa negara di Eropah. Terdapat banyak sokongan seperti bantuan yang diberikan oleh pemimpin- pemimpin besar dari negara besar Islam antaranya Arab Saudi, Libya, Kuwait, Oman dan Qatar. Semua ini diberikan sewaktu kepimpinan berana di bawah Abdul Rahman Ya'kub selaku Yang Dipertua BINA (*50 Tahun BINA-HIKMAH 1969-2019*, 2019).

Menerusi temu bual yang dijalankan oleh pengkaji, responden turut menyatakan bahawa BINA-HIKMAH mempunyai hubungan baik dengan negara-negara luar sejak penubuhan BINA sehingga sekarang. BINA mendapatkan bantuan untuk menjalankan operasi dakwah melalui bantuan yang diberikan.

“Dari segi dana, dana alhamdulillah waktu ya ada sumbangan daripada negara Arab lah terutamanya daripada Rabithah al-Alam al-Islami ataupun Islam Muslim League atau Islam League kah Liga Islam” (Sebli, 2025).

Selain itu, menurut RP1, pengkaji mendapati bahawa HIKMAH mempunyai kerjasama dengan Universiti-universiti terkemuka di Indonesia, Jordan, Yaman, Riyadh dan Madinah. Pertubuhan HIKMAH telah menubuhkan sebuah institusi Pusat Latihan Dakwah yang dibangunkan untuk melahirkan tenaga-tenaga daie/pendakwah di Sarawak. Jalinan kerjasama ini diteruskan

sehingga kini untuk pelajar-pelajar yang telah menamatkan pelajaran mereka di Pusat Latihan Dakwah (PLD).

“Aaaa setakat tok di Indonesia.. nya berbagai tempatlah di Indonesia ya. Ada juak junior kamek nya dihantar ke Madinah lah...” (Syahari, 2025).

“Selepas jak daripada PLD ya ada pelajar yang terpilih errr top 5 student lah... akan dihantar ke Bandung. Alhamdulillah kamek salah seorang daripada ya lah yang dihantar ke Bandung. Dari 2018 sehingga 2023 ariya....” (Rosli, 2025).

Kebanyakan pelajar di Pusat Latihan Dakwah HIKMAH akan menuntut di sana selama lebih kurang setahun setengah kemudian akan dihantar ke Indonesia dan Madinah untuk menyambung pelajaran mereka. Antaranya: (a) Universiti Sunan Ampel, Surabaya Indonesia, (b) Universiti Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim, Surabaya, Indonesia, (c) Universiti Allaudin Makasar, Indonesia, (d) Universiti Islam, Madinah, (e) Universiti Imam Mohamad, Riyadh, (f) Ma’had Tahfiz al-Quran, Yaman, dan (g) Universiti Islam Mu’tah, Jordan (Mustapha, 2018).

Bukan itu sahaja, kebanyakan alumni dairpada Pusat Latihan Dakwah yang telah menamatkan pelajaran mereka di luar negara, mereka akan pulang semula ke Sarawak. Kemudian, mereka berkhidmat sebagai guru-guru di institusi pendidikan HIKMAH, pegawai HIKMAH dan menjadi asatizah di Sarawak. Ini terbukti apabila responden yang merupakan alumni kebanyakannya adalah asatizah di Sekolah Rendah Tahfiz HIKMAH.

Melahirkan Daie di Sarawak

HIKMAH berperanan dalam melahirkan kader-kader daie dan pendakwah yang amat diperlukan oleh umat Islam di Sarawak. Dengan wujudnya Pusat Latihan Dakwah HIKMAH ini dapat memenuhi keperluan ummah khususnya dalam melahirkan pendakwah baru. Kursus yang ditawarkan ialah Kursus Pengajian Asas Dakwah selama 18 bulan dan selepas itu para pelajar berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat Ijazah Sarjana Muda di beberapa Universiti terkemuka yang diiktiraf oleh pihak JPA, antaranya Universiti Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim (Surabaya, Indonesia), Universiti Islam, Madinah, Universiti Imam Mohamad, Riyadh, Ma’had Tahfiz al-Quran, Yaman dan Universiti Islam Mu’tah, Jordan. Usaha ini bertujuan untuk menyediakan tenaga daie yang beriman, berilmu dan berketerampilan tinggi (HIKMAH Sarawak, 2026). Pengkaji turut menemu bual alumni Pusat Latihan Dakwah sendiri yang kini sedang berkhidmat sebagai guru di Institusi HIKMAH sendiri iaitu di Sekolah Rendah Tahfiz HIKMAH. Menurut Responden 3:

“Kamek orang dolok nya terapkan adab dengan sahsiah ya. Utamakan adab lah terutama dengan guru..dengan orang yang lebih tua. Jadi dekat sekolah pun kamek terapkan juak macam ya. Macam dengan nemiak aaa kamek orang sayang. Sidak pun hormat kita” (Syahari, 2025).

Melalui perkongsian ini membuktikan bahawa keberkesanan hasil pendidikan yang diterapkan di Pusat Latihan Dakwah berjaya diamalkan oleh pelajar. Kemudian setelah mereka tamat belajar, mereka pula berkhidmat di sekolah HIKMAH dan menerapkan ilmu tersebut kepada pelajar-pelajar di sekolah. Ini menunjukkan keberhasilan Institusi HIKMAH melahirkan daie atau pendakwah untuk mendidik generasi baru di Sarawak sendiri. Perkongsian seorang lagi alumni Pusat Latihan Dakwah (PLD) yang berkhidmat di Sekolah Rendah Tahfiz HIKMAH:

“Kamek tamat 2023 sekali convo and alhamdulillah kinek tok pun dah setahun lebih berkhidmat di Sekolah Rendah Tahfiz HIKMAH. Kamek mengajar subjek matematik lah lari sikit daripada apa yang dibelajar. Kamek ngajar Math di sekolah rendah ya” (Rosli, 2025).

Pengkaji juga mendapat maklumat daripada ibu-bapa pelajar di Sekolah Rendah Tahfiz HIKMAH yang memberikan pandangan mereka terhadap pengajar-pengajar di Sekolah tersebut. Menurut Responden 4,

“Kamek dapat bangga adalah ustaz-ustazah di sia. Ustaz-ustazah di sia kebanyakan dari HIKMAH lah... apa digelar tek aa Pusat Latihan Dakwah”

“...aaa daknya alumni bah. Daknya alumni. Ada daknya madah daknya alumni which is very good lah...”

“Kita dapat tangga kinek tok ada guru-guru. Guru-guru dari HIKMAH kedirik..yang mendidikan anak-anak HIKMAH tok.. aaa.. ya.. ya sangat baiklah...” (Kaderi, 2025).

Menerusi sesi temu bual ini, menunjukkan bahawa keberhasilan institusi HIKMAH pada pandangan masyarakat dilihat berkesan. Ini kerana, pelajar-pelajar yang menuntut di PLD berjaya berkhidmat semula di negeri Sarawak dan menyambung legasi dakwah ini kepada pelbagai lapisan masyarakat. Buktinya, dapat dilihat bahawa kebanyakan guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh HIKMAH merupakan bekas pelajar Pusat Latihan Dakwah HIKMAH sendiri. Dalam pada itu, pengajar-pengajar di Pusat Latihan Dakwah/Daie HIKMAH juga merupakan bekas pelajar yang telah menamatkan pelajaran mereka di Timur Tengah dan Indonesia (Mustapha, 2018). Bukan itu sahaja, Pertubuhan HIKMAH turut menyediakan program pengkaderan untuk pelbagai lapisan masyarakat di khususnya di Sarawak. Antaranya program pengkaderan belia, wanita dan masyarakat.

Rajah 2: Program Dakwah Anjuran HIKMAH

Belia	Wanita (HELWA)	Masyarakat
<ul style="list-style-type: none"> • Program Pengkaderan Belia Khemah ibadah, Kursus Kepimpinan Islam, Muzakarah Belia, Konvoi Belia • Ada Apa Dengan Cinta • Program Motivasi Sekolah Kem Anak Soleh • Kelab Remaja HIKMAH 	<ul style="list-style-type: none"> • Program Pengkaderan Wanita • Kursus Memperkasakan Wanita • Konvensyen Kepimpinan Wanita • Majlis Ta’lim Wanita Saudara Kita/Konvensyen Wanita Saudara Kita 	<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan Kemanusiaan • Klinik Bergerak HIKMAH • Safari Ramadhan HIKMAH • Qurban HIKMAH • Program Pengkaderan Masyarakat Bicara HIKMAH, Kursus Kefahaman Islam, Kursus Fardhu Ain, Kursus Fardhu Kifayah • Sambutan Perayaan Islam • Ziarah Prihatin/ Ziarah Dua’fa

Sumber: 50 Tahun BINA-HIKMAH 1969-2019 (2019)

Temu bual dijalankan kepada responden yang merupakan peserta Kelas Pengajian Fardhu Ain dan Tadabbur anjuran Pertubuhan HIKMAH;

“...aaaa okaylah baiklah yang terbaik lah sidak guru-guru HIKMAH semua kan sebab daknya ada mendidik miak lagi lepasya tek menawarkan diri... mengajar kamek orang yang tua-tua tok. Yang susah nak masuk kepala otak tok. Alhamdulillah daknya maok sukarela mengajar kamek orang tanpa minta belanja satu sen pun...” (Dollah, 2025).

Menurut RP6 sebagai peserta kelas pengajian Fardhu Ain di Pertubuhan HIKMAH, beliau memberikan respon yang sangat positif dan sangat berpuas hati dengan program anjuran Pertubuhan HIKMAH terutama terhadap tenaga pengajar yang memberikan perkongsian kepada mereka. Perkongsian peserta dan ahli jawatankuasa Wanita HIKMAH;

“...kelas kamek orang tok kamek rasa okay la. Sejam kamek orang boleh ngaji aaa dengan tajwid yang diberik Ustaz Ariffin. Jam kedua ya untuk tadabbur...” (Malik, 2025).

Selain itu, seorang lagi responden, selaku peserta kelas Tadabbur, beliau menyatakan bahawa kesan mempelajari ilmu al-Quran dapat membantu beliau lebih khusyuk dalam menunaikan solat. Selain itu, membantu beliau untuk sentiasa memperbaiki diri sebagai seorang muslim dan lebih menghayati ibadah yang dilakukan.

“Aaa macam kelas kamek lah ou kelas tadabbur. Sebab peningkatannya dalam kaedah kita aaa kekhusyukan dalam solat. Sebab kita dah tauk... .aaa membantu memperbaiki dirilah aa menghayati ibadah, solat, al-Quran” (Murad, 2025).

Jelaslah di sini menunjukkan keberkesanan program, kelas dan seminar yang dianjurkan oleh Pertubuhan HIKMAH di bawah sektor dakwah ini memberikan impak yang besar terhadap pengamalan syariat Islam dalam kalangan umat Islam di Sarawak khususnya. Bukan itu sahaja, Pertubuhan ini turut berjaya melahirkan pendakwah-pendakwah yang berkualiti untuk menyampaikan ilmu yang diperlukan oleh masyarakat Islam di Sarawak.

Memperkuh Pendidikan Islam di Sarawak

Pertubuhan HIKMAH mengukuhkan lagi peranan mereka dengan menubuhkan institusi pendidikan Islam mereka sendiri. Institusi ini lebih formal dan sudah ditubuhkan sejak zaman Abdul Rahman Ya'kub selaku Yang Dipertua BINA. Pada awalnya, HIKMAH menubuhkan Tabika BINA pada tahun 1976 (Buku 50 tahun BINA-HIKMAH 1969-2019) . Kemudian ditukarkan kepada Tadika Tahfiz HIKMAH yang kini mempunyai lebih 12 tadika di seluruh Sarawak. Terdapat sebuah taska iaitu Taska BINA HIKMAH yang bertempat di Kuching, Sarawak. Kemudian Pertubuhan HIKMAH menubuhkan Sekolah Rendah Tahfiz HIKMAH pada tahun 2019/2020. Kini, kerja-kerja pembinaan sedang giat dijalankan untuk menubuhkan Sekolah Menengah Tahfiz HIKMAH dan HIKMAH Islamic Technology College (HiTEC) yang dijangka akan dibuka pada tahun 2026 (Rosli, 2025).

Pertubuhan HIKMAH merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) iaitu badan yang tidak menerima sebarang profit kecuali melalui sumbangan dan derma. Oleh yang demikian, institusi pendidikan merupakan sektor yang terletak di bawah jawatankuasa pendidikan dan sebuah anak syarikat yang menguruskan pendidikan HIKMAH. Pengurusan pendidikan bukanlah terletak di bawah sektor dakwah secara khusus sepertimana Pusat Latihan Dakwah (PLD). Hal ini kerana,

salah satu sumber pendapatan untuk institusi pendidikan adalah melalui yuran. Oleh kerana itu tertubuhnya satu jawatankuasa induk di bawah HIKMAH untuk menguruskan institusi pendidikan.

“...dolak tok sebenarnya, sektor pendidikan tok sebenarnya di bawah sektor dakwah dolak marek. Since HIKMAH sik boleh ada apa-apa entiti yang melibatkan duit masok, aaa nya sik boleh ada business..nya sik boleh apa-apa berkaitan duit masok kecuali sumbangan dan derma. So since pendidikan tok adalah salah satu incomenya adalah yuran, so nya sik sesuai diletakkan di bawah HIKMAH, that’s why tertubuhnya satu jawatankuasa pendidikan and then satu anak syarikatlah untuk handle pendidikan ya..” (Rosli, 2025)

Terdahulu, sektor pendidikan merupakan bahagian yang berada di bawah sektor dakwah kemudian ditubuhkan sebagai satu induk kerana sumber kewangan institusi pendidikan adalah melalui yuran pelajar.

“...Kamek orang ada taska. Kamek orang ada Tadika Tahfiz, so kesinambungannya daripada tadika akan pergi ke sekolah... sekolah rendah. Lepasya kesinambungannya tahun depan insyaAllah akan ke sekolah menengahlah. Sekolah menengah and then lepas sekolah menengah, akan kesinambungannya lagik kepada kolej sia...” (Rosli, 2025).

Menurut Responden 9, beliau turut menyatakan hasrat penubuhan institusi pendidikan yang berperingkat ini bertujuan untuk melahirkan alumni yang berjaya menamatkan pelajaran di institusi HIKMAH. Dengan itu, mereka dapat melihat kerberkesanan terhadap melahirkan masyarakat yang berilmu dan beramal dengan ajaran Islam selari dengan visi dan misi HIKMAH itu sendiri. Selain itu, mereka juga dapat mengesan hala tuju pelajar-pelajar daripada taska, tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan HiTEC agar tiada kelompongan berlaku setelah mereka tamat belajar di peringkat awal iaitu taska ataupun tadika.

“...Sebelum ya kamek orang dolok aaa masa ya dolok ada tadika dengan taska jak.... dah berpuluh tahun lah kamek orang play safe ja di sia. Taska tadika taska tadika. So, bila nak menyambung, so kesinambungan untuk daripada dibah ya sikda..aaa daripada sidak yang sidak ya kesinambungannya sikda. Aaa maksudnya tadika ya masuk ya nya scattered. Berterabur. Aaa rugilah nya macam kamek orang tahfiz nak... tadika tahfiz nak, kalau tadika tahfiz nak... so bila nya keluar daripada tadika ya nya masuk sekolah biasa, so tahfiz ya hilang” (Rosli, 2025).

Melalui transkrip di atas, pihak HIKMAH menjadikan sebuah ekosistem pendidikan HIKMAH agar mereka dapat melihat kesinambungan daripada setiap peringkat di institusi HIKMAH. Dalam masa yang sama, kedudukan pendidikan HIKMAH lebih teratur dan kualiti pelajar seperti hafalan mereka dapat dikekalkan sehingga mereka tamat belajar di peringkat yang lebih tinggi.



Tujuan penubuhan Sekolah Rendah Tahfiz HIKMAH ini bertujuan untuk meneruskan kesinambungan Hala Tuju Pendidikan HIKMAH yang bermula dari peringkat;

1. Pra sekolah : Taska HIKMAH dan Tadika Tahfiz HIKMAH
2. Sekolah Rendah : Sekolah Rendah Tahfiz HIKMAH
3. Sekolah Menengah : Sekolah Menengah Tahfiz HIKMAH
4. Institusi Tinggi : Kolej Universiti Al-Quran HIKMAH.



Rajah 3: Hala Tuju Pendidikan HIKMAH

Sumber: Rosli (2025)

Responden turut menyatakan bahawa pendidikan yang dianjurkan oleh HIKMAH sama ada di peringkat tadika hingga ke sekolah menengah adalah selari dengan keperluan akademik pelajar. Ini bermaksud silibus dan kurikulum yang ditawarkan adalah selari dengan sekolah-sekolah kerajaan biasa.

“Nya akademik semua sama pagi sebab tadika kamek orang tok semua yang berdaftar di bawah JPNS. Semua berdaftar memang ada sijil perakuan sendiri and bila kitak ada sijil perakuan yang kitak kenak gunakan kurikulum nya empun kurikulum JPNS which is JSTK. Standard Prasekolah Kebangsaan...”.

“Aa setakat tok sekolah dah boleh register dengan KPM. Memang dah register lah. Kohort, tok la kohort aaa tok kohort first. Aaa tokla kohort first tok tahun enam dah. Nya akan ke sitoklah. Lepasya kesinambungan untuk sekolah menengah...”
(Rosli, 2025).

Rajah 4: Silibus Pelajaran Sekolah Rendah Tahfiz HIKMAH

Tahap 1 (1-3)	Tahap 2 (4-6)	
<ul style="list-style-type: none"> • Hafazan/ Talaqqi • Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Bahasa Arab • Matematik • Sains • Pendidikan Islam • Pendidikan Muzik • Pendidikan Kesenian • Pendidikan Jasmani • Pendidikan Kesihatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Hafazan/Talaqqi • Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Bahasa Arab • Matematik • Sains • Pendidikan Islam 	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan Muzik • Pendidikan Kesenian • Pendidikan Jasmani • Pendidikan Kesihatan • Sejarah • Reka Bentuk

Sumber: HIKMAH Sarawak (2025)

Pengkaji turut berkesempatan menemu bual bersama ibu bapa Tadika HIKMAH. Mereka berasa bersyukur kerana dapat melihat sendiri perubahan terutaman akhlak dan akademik anak-anak mereka setelah memasukan Sekolah Rendah Tahfiz HIKMAH. Rata-rata responden menyatakan keberkesanan institusi HIKMAH yang menyerlah dalam membentuk peribadi anak-anak mereka. Perkongsian yang sama oleh ibu bapa pelajar Sekolah Rendah Tahfiz HIKMAH:

“Aaa solat alhamdulillah nya pande, nya hafal surah. Nya nang hari-hari nya hafal surah” (Yassin, 2025).

“Berkesan untuk anak kamek. Anak kamek pun cepat juak menghafal aaa boleh dikatakan cepatlah. Sebab anak kamek aaa dolok waktunya tadika, nya bukan aa Tadika HIKMAH. Nya sik apat belajar agama sebenarnya anak kamek tok...Lepasya bila kamek anta nya darjah satu sia sampe now alhamdulillah la sidak tok senang menghafaz yalah apa tek er al Quran juzuk 29 lah. Bagi kamek rasa kamek macam sumbangannya adalah membantu anak-anak kamek lah menghafaz al-Quran” (Kaderi, 2025).

“Hafazan nya lebih praktikal and then mudah..mudah diekotlah... Cikgunya ngajar berserta dengan terjemahan jadinya membantulah aaa nya sik semestinya kita hafal giya jak, tapi with tafsiran... Kamek nampak dari anak kamek of course kita macam baca doa makan apa semua nak? Nya memang akan ingatlah. Macam cikgu nya pesan. And then err kadang-kadang nya tegur adiknya minum berdiri, nya akan baca sekali hadis ya. “Wa la tashyrobun” aaaa jangan minum sambil berdiri. Nya macam ya lah. Ya nilai tambah yang kamek pun sik sangkalah. Aaa macam ya. Sampe nya baca hadis” (Tukino, 2025).

“Alhamdulillah la, untuk anak pertama kamek, progres sidak dari segi membaca, hafalan dalam mengira pun untuk subjek matematik alhamdulillah kamek sangat-sangat bersyukur. Untuk ibu bapa di luar pun sidak memberikan maklum balas yang sama. Sidak balit berik tauk anak balit dengar anak baca hadis..dengar anak baca doa dalam solat. Jadi sidak suka dengan benda ya sidak terharu dengar benda ya” (Ibrahim, 2025).

“Mun dibandingkan dengan sekolah biasa daknya lebih to menghafal surah. Bila kitak tanyak daknya surah ne aaa daknya boleh jawab lah. Lebih banyak hafal” (Sapawi, 2025).

Kebanyakan ibu bapa yang menghantar anak mereka di Tadika dan Sekolah Rendah Tahfiz HIKMAH memberikan maklum balas yang baik kerana mereka sendiri melihat perubahan anak-anak terutama dari sudut akademik dan juga hafazan. Mereka turut berpuas hati dengan kaedah mengajar para guru di sekolah tersebut. Kaedah yang digunakan mampu membimbing pelajar-pelajar untuk memahami pelajaran dengan lebih efektif. Ini terbukti bahawa silibus pengajaran yang ditawarkan di institusi pendidikan Pertubuhan HIKMAH adalah selari dengan keperluan akademik dan agama untuk melahirkan ummah yang beramal dengan agama Islam.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan terdapat perkembangan yang dilakukan oleh pertubuhan HIKMAH bukan hanya perubahan luaran tetapi satu keperluan strategik untuk

kelangsungan dakwah di Sarawak. Melalui transformasi dari segi pengurusan, pendidikan, kebajikan dan jaringan sosial, HIKMAH telah menunjukkan kemampuannya untuk beradaptasi dengan perubahan sosial masyarakat kontemporari tanpa mengabaikan prinsip asas syariat.

Rujukan

- 50 Tahun BINA-HIKMAH 1969-2019: *Menjana Pembangunan Ummah*. (2019). Petra Jaya, Kuching: Harakah Islamiah (HIKMAH).
- Abdullah, R., Jayos, S., Yahya, F., Abdullah, N. F. & Yusoff, N. F. M. (2022). Adaptation strategies by Muslim convert: A study on “Saudara Kita” in Sarawak Malaysia. *Islamic Guidance and Counseling Journal*, 5(2), 185-204.
- Anon. (2019). Bermulanya satu perjalanan. Dlm. *50 Tahun BINA-HIKMAH 1969-2019: Menjana Pembangunan Ummah*, hlm. 60. Petra Jaya, Kuching: Harakah Islamiah (HIKMAH).
- Basir, M. Z. K., Abdullah @ Tan Ai Pao, N. A. M. T., Md. Sham, F., Samsi, M. S. M. & Gerunsin, N. (2024). Sumbangan Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) dalam memperkasa program dakwah muallaf di pedalaman Sarawak. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(1), 70-90.
- Basir, M. Z. K., Sham, F. M., Pao, N. A. M. i. T. A. T. A., & Ismail, I. (2025). Issues and challenges in the implemenatation of the Harakah Islamiah (HIKMAH) Da'wah program for the Muslim converts (muallaf) in the rural area of Sarawak. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 22(4), 159-173.
- Dollah, N. (2025). Peranan HIKMAH dalam pemerksaan aspek pendidikan Islam di Sarawak. 26 Ogos.
- Helmi, A. (1991). Metode dakwah di kalangan masyarakat Dayak: Satu kajian di bahagian pertama. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- HIKMAH Sarawak. (2025). Brosur Harakah Islamiah (HIKMAH). In. Ibu Pejabat HIKMAH: HIKMAH Sarawak.
- HIKMAH Sarawak. (2026). Kelab Remaja HIKMAH. *HIKMAH Sarawak*. <https://www.hikmah.org.my/kelab-remaja-hikmah> [6 Mac 2026].
- HIKMAH Sarawak. (2026). Kursus Kefahaman Islam. *HIKMAH Sarawak*. <https://www.hikmah.org.my/kursus-kefahaman-islam> [6 Mac 2026].
- HIKMAH Sarawak. (2026). Perlembagaan Harakah Islamiah (HIKMAH). *HIKMAH Sarawak* <https://www.hikmah.org.my/assets/pdf/buku%20perlembagaan%20hikmah-pdf.pdf>[6 Mac 2026].
- HIKMAH Sarawak. (2026). Pusat Latihan Dakwah HIKMAH. *HIKMAH Sarawak*. <https://www.hikmah.org.my/pusat-latihan-dakwah-hikmah> [6 Mac 2026].
- HIKMAH Sarawak. (2026). Sejarah. *HIKMAH Sarawak*. <https://www.hikmah.org.my/sejarah> [6 Mac 2026].
- HIKMAH Sarawak. (2026). Visi misi objektif. *HIKMAH Sarawak*. <https://www.hikmah.org.my/visi-misi-objektif> [6 Mac 2026].
- Ibrahim, N. A. (2025). Peranan HIKMAH dalam pemerksaan aspek pendidikan Islam di Sarawak. 18 Oktober.
- Kadir, A. R. A., Bujang, S., Ahmad, A. N. Z. & Towpek, H. (2023). Perkembangan institusi Islam di Sarawak sebelum pembentukan Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(1), 1-14.
- Malik, D. A. A. (2025). Peranan HIKMAH dalam pemerksaan aspek pendidikan Islam di Sarawak. 5 Ogos.
- Murad, N. (2025). Peranan HIKMAH dalam pemerksaan aspek pendidikan Islam di Sarawak. 26 Ogos.

- Mustapha, Y. (2018). Sejarah dan perkembangan pusat Latihan takwah Yayasan HIKMAH Kuching, Sarawak Tahun 1989-2018 . Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Ampel Surabaya Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Ampel Surabaya.
- Mutalib, N. A. (2017). Peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam terhadap pelaksanaan aktiviti Islam di Bintulu, Sarawak. *Paper Presented at the Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, hlm. 417-423.
- PERKIM. (t.th). HIKMAH - badan gabungan PERKIM. *PERKIM*.
https://www.perkim.net.my/badan-gabungan-perkim/hikmah/?srsltid=AfmBOoruoHbeUDiDtPcpyI3JlJQ_GO4hgOChDqwAv23-BC0rHeUqMQyW [6 Mac 2026].
- Kaderi, R. D. (2025). Peranan HIKMAH dalam pemerksaan aspek pendidikan Islam di Sarawak. 18 Oktober.
- Razali, A. (2018). Pembinaan saudara baru (Muallaf) di Harakah Islamiah (HIKMAH) Kuching, Sarawak 1994-2017. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universitas Islam Negeri (UIN), Universitas Islam Negeri (UIN).
- Rosli, A. N. (2025). Peranan HIKMAH dalam pemerksaan aspek pendidikan Islam di Sarawak. 23 Oktober.
- Rosli, H. A. (2025). Peranan pertubuhan HIKMAH dalam pemerksaan aspek pendidikan Islam di Sarawak dan carta organisasi HIKMAH. 5 Ogos.
- Rosman, N. M. & Rasit, R. M. (2020). The attitude of Muslim youth netizens in finding and receiving information on social media: A qualitative analysis. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 189-205.
- Sapawi, S. (2025). Peranan HIKMAH dalam pemerksaan aspek pendidikan Islam di Sarawak. 18 Oktober.
- Sanifa. (2019). BINA-HIKMAH - pencetus gerakan sosial terhebat merayakan ulang tahun ke-50. *Sarawak News Network*. <http://www.sarawaknewsnetwork.com> [6 Mac 2026].
- Sebli, A. (2015). Sumbangan Abdul Rahman Ya'kub dalam dakwah di Sarawak. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Sebli, A. (2025). Peranan HIKMAH dalam pemerksaan aspek pendidikan Islam di Sarawak. 5 Ogos.
- Shukri, S. F. M. & Masri, M. S. 2024. Convergence or divergence? An exploratory study on urban Malays and indigenouse people in Kuala Lumpur and Kuching. *Asia-Pacific Social Science Review*, 24(1), 41-60.
- Syahari, D. S. B. (2025). Peranan HIKMAH dalam pemerksaan aspek pendidikan Islam di Sarawak. 23 Oktober.
- Tukino, S. (2025). Peranan HIKMAH dalam pemerksaan aspek pendidikan Islam di Sarawak. 23 Oktober.
- UKAS Sarawak. 2024. HIKMAH, YADIM Sarawak sumbang bakul makanan kepada 110 asnaf sekitar Bintulu. Pentadbiran Bahagian Bintulu. <http://www.sarawak.gov.my> [23 Februari 2026].
- Utusan Sarawak*. (2024). Sejarah penubuhan BINA. *Utusan Sarawak*. <http://www.utusanborneo.com> [6 Mac 2026].
- Yassin, H. M. (2025). Peranan HIKMAH dalam pemerksaan aspek pendidikan Islam di Sarawak. 18 Oktober.
- Yusof, M. F. M. & Romli, N. (2019). Aplikasi program Atlas.Ti dalam penyelidikan kualitatif pengajian pascasiswazah bidang pengajian Islam: Suatu cadangan awal. *Al-Hikmah*, 11(1), 3-21.

Yusuf, N. & Bujang, S. (2024). Kearifan tempatan masyarakat Islam di Sarawak menerusi manuskrip Undang-undang Kanun Lingga. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(3), 1-19.